

SOALAN NO: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' AR WAN MOHAMMAD KHAIR-IL
ANUAR BIN WAN AHMAD

TARIKH: 10 JUN 2015

SOALAN:

Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan industri sawit, elektronik dan pakaian Malaysia telah sekali lagi disenaraikan dalam List of Goods Produced by Child Labor or Forced Labor oleh United States Department of Labor pada 1 Disember 2014. Penyenaraian sawit adalah untuk kali ke-6 berturut-turut. Apakah bentuk tindakan proaktif yang telah dan akan diambil oleh Kementerian Sumber Manusia untuk mengeluarkan Malaysia dari senarai buruh paksa dan buruh kanak-kanak tersebut dengan kadar segera.

PR-1332-L68298

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM), untuk mengeluarkan Malaysia daripada

senarai buruh paksaan *United States Department of Labour* adalah seperti berikut:

(i) Memorandum Persefahaman (MOU)

- (a) KSM pada masa ini sedang mengkaji semula kesemua MOU dengan negara sumber serta mengadakan MOU baru yang akan menggariskan perlindungan kepada pekerja asing dan pembantu rumah asing semasa penggajian di Malaysia dan sehingga pekerja tersebut dihantar pulang ke negara asal.
- (b) Menyediakan satu kontrak perkhidmatan yang standard, di mana kontrak tersebut diwajibkan ditandatangani oleh majikan sebelum dipanjangkan kepada pekerja di negara sumber dan kontrak tersebut akan turut diterjemahkan mengikut bahasa rasmi negara masing-masing.

(ii) Memantapkan aktiviti penguatkuasaan

KSM juga telah memantapkan aktiviti penguatkuasaan di premis-premis perniagaan melalui pemeriksaan berkanun serta turut menyediakan buku indikator buruh paksa dan telah diedarkan kepada pekerja dan majikan-majikan. Selain itu, pemeriksaan bersepada turut dijalankan bersama agensi-agensi lain seperti Polis, Jabatan Imigresen dalam memerangi aktiviti buruh paksa.

(iii) Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981

KSM dalam proses meminda Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 untuk menyekat dan mengawal aktiviti syarikat pembekal pekerja asing dengan hanya membenarkan Agensi Pekerjaan Swasta merekrut dan menempatkan pekerja dan bukannya menggajikan pekerja. Pindaan ini bertujuan mengawal aktiviti penyumberluaran (*outsourcing*) yang didapati menimbulkan banyak komplikasi dari aspek kebijakan pekerja asing.

(iv) Pemeriksaan Khas Untuk Mengesan Aktiviti Buruh Paksa dan Buruh Kanak-Kanak

Jabatan Tenaga Kerja (JTK) juga melalui Pasukan Khas Penguatkuasa (PKP) telah dan sedang giat menjalankan operasi pengesanan secara mengejut di sektor elektronik. Dari bulan September hingga November 2014, JTK telah membuat sebanyak 42 pemeriksaan secara mengejut di beberapa kawasan perindustrian. Majikan yang diperiksa bukan sahaja terdiri dari majikan sederhana dan kecil (SME) tetapi juga melibatkan syarikat-syarikat elektronik *multinational*. Hasil operasi ini juga tidak menunjukkan apa-apa indikator kukuh wujudnya amalan buruh paksa.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Selain itu, polisi penggajian pekerja asing menetapkan hanya mereka yang berumur 18 hingga 45 tahun sahaja yang dibenarkan masuk bekerja di Malaysia bagi sektor formal dan berumur 21 hingga 45 tahun bagi sektor informal. Oleh itu isu buruh kanak-kanak asing tidak timbul kerana pihak kerajaan sendiri yang mengawal kemasukan buruh asing secara sah ke dalam Negara.
4. Di samping itu, permohonan penggajian pekerja asing juga hanya akan disokong oleh KSM sekiranya majikan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan termasuk mampu membayar gaji minimum, menyediakan tempat tinggal yang kondusif dan bebas daripada perlanggaran undang-undang perburuhan negara. Siasatan khas bagi memastikan syarat-syarat tersebut dipatuhi akan dilakukan oleh pegawai JTK terhadap majikan yang memohon untuk menggajikan pekerja asing sebelum pertimbangan untuk menyokong permohonan tersebut dibuat.